

**TERMA DAN SYARAT BERKAITAN DENGAN PEMEGANG AKAUNAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN-i**

Dalam pertimbangan OCBC Al-Amin Bank Berhad (200801017151/818444-T) ("Bank", ungkapan ini termasuk pengganti hak milik Bank dan penerima serah hak milik Bank) bersetuju di bawah konsep Syariah Ijarah untuk menyewa Peti Simpanan Keselamatan-i ("Peti Simpanan") yang dikenalpasti dalam Borang Peti Simpanan Keselamatan-i ("Permohonan") pada sewa yang telah ditentukan, Pemegang Akaun (ungkapan ini termasuk wakil undang-undang dan pengganti hak milik Pemegang Akaun) bersetuju untuk terikat oleh Permohonan dan terma dan syarat-syarat yang boleh diubah ditambah atau diubah oleh Bank secara munasabah dengan notis dari masa ke semasa. Sekiranya 2 atau lebih orang yang termasuk dalam istilah "Pemegang Akaun", semua covenants Permohonan terma dan syarat peruntukan sekatan atau kewajipan yang terkandung dalam Permohonan dan terma-terma dan syarat-syarat ini tertakluk dan tergunapakai terhadap mereka secara bersama dan setiap daripada mereka masing-masing.

**1 PRASYARAT**

Ini adalah prasyarat untuk menyewa Peti Simpanan bahawa Pemegang Akaun harus memelihara akaun perbankan dengan Bank dan Akaun tersebut harus dipelihara selama Peti Simpanan disewa untuk Pemegang Akaun. Penutupan atau penamatkan akaun harus, melainkan jika diputuskan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya, diambil sebagai arahan Pemegang Akaun untuk menamatkan sewaan Peti Simpanan di mana Klausu 11.1 akan digunakan.

**2 MENYEWA PETI**

- 2.1 Permohonan untuk sewa tidak memberi Pemegang Akaun, sebarang atau sesuatu yang lain selain daripada kebenaran untuk menggunakan Peti Simpanan semasa tempoh Pemegang Akaunan untuk menyimpan barang yang secara semula jadinya sesuai, selaras dengan terma dan syarat ini.
- 2.2 Sewaan Peti Simpanan akan bermula pada tarikh Permohonan dan akan dilanjutkan secara automatik pada tahunan atau secara berkala seperti yang lain yang mungkin diberitahu oleh Bank, kecuali dihentikan oleh Bank atau Pemegang Akaun sesuai dengan keperluan dan keadaan selaras dengan terma dan syarat ini.
- 2.3 Sewa tahunan akan dikenakan bayaran secara tahunan atau secara berkala yang lain yang diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa dan bayaran pendahuluan untuk sewa selama setahun dibayar oleh Pemegang Akaun.

**3 DEPOSIT KUNCI DAN CAJ-CAJ LAIN**

- 3.1 Sekiranya sewa ditamatkan sebelum tamat tempoh sewaan di mana sewa telah dibayar terdahulu, Bank akan membayar balik kepada Pemegang Akaun, bahagian prorata dari sewa yang telah dibayar terdahulu berdasarkan bilangan bulan lengkap dari penamatkan Pemegang Akaunan sehingga tarikh sewa pendahuluan telah dibayar. Contoh sewa tahunan dibayar terdahulu pada 1 Jan ialah RM300, dan Pemegang Akaunan ditamatkan pada 16 Jun, sewa dibayar balik ialah  $RM300/12 \times 6 = RM150$ .
- 3.2 Untuk menyewa Peti Simpanan, Pemegang Akaun perlu membayar sewa pendahuluan serta deposit untuk kuncinya dan hendaklah membuat Permohonan dengan Bank untuk menyewa Peti Simpanan dibawah terma dan syarat yang ditetapkan Deposit akan dikembalikan kepada Pemegang Akaun pada pengendalian atas Peti Simpanan kosong dan kunci-kunci kepada Bank dan tertakluk kepada hak Bank untuk melaksanakan semua bahagian Deposit terhadap sebarang tunggakan kepada Bank di bawah Permohonan dan terma dan syarat dan untuk menggunakan semua atau sebahagian daripadanya jika kunci tidak dikembalikan atau jika kunci baru atau penggantian kunci diperlukan.
- 3.3 Sewa tahunan, yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan ke atas Peti Simpanan boleh didapat atas permintaan atau daripada cawangan-cawangan Bank, laman web atau saluran pengantar Bank yang lain, Bank boleh mengubah sewa tahunan, yuran-yuran dan caj-caj tersebut dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun.

**4 KUNCI**

- 4.1 Peti Simpanan hanya boleh dibuka dengan menggunakan kunci bersama dengan sebuah kunci induk milik Bank yang dikonfigurasikan secara berbeza.
- 4.2 Pemegang Akaun mestilah bertanggungjawab untuk menyimpan kunci dengan baik. Sekiranya kunci didapati hilang, dicuri atau tersalah letak, Pemegang Akaun mestilah melaporkannya kepada Bank dengan segera dan Bank boleh atas permohonan Pemegang Akaun memberikan kunci yang baru dan

sebarang kos yang timbul selepas itu akan ditanggung oleh Pemegang Akaun. Kecuali atau sehingga Bank dimaklumkan tentang kehilangan kunci, Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku akibat Peti Simpanan dibuka dan kandungannya dikeluarkan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai kunci dan menyamar sebagai Pemegang Akaun.

- 4.3 Semua pembaikan wajar ke atas kunci mestilah dilakukan secara eksklusif oleh pekerja yang dilantik oleh Bank. Segala perbelanjaan yang timbul daripada kehilangan kunci atau kunci-kunci atau sebarang pembaikan yang timbul daripada selain penggunaan sebenar dan berasas ke atas Peti Simpanan (termasuk kos kunci baru jika perlu) mestilah ditanggung oleh Pemegang Akaun.
- 4.4 Kunci-kunci mestilah diserahkan kepada Bank dalam keadaan baik pada saat berakhirnya sewa tersebut. Pemegang Akaun tidak akan dalam keadaan apapun membuat salinan kunci.

## 5 LARANGAN DAN SEKATAN PENGGUNAAN

- 5.1 Hanya Pemegang Akaun dibenarkan untuk mengakses Peti Simpanan. Pemegang Akaun tidak dibenarkan untuk menyewa Peti Simpanan atau mana-mana sebahagian daripadanya kepada orang lain (Sublet).
- 5.2 Pemegang Akaun memberi jaminan kepada Bank bahawa barang yang disimpan di dalam peti adalah dari sumber yang sah dan tidak melanggar Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau perundungan dalam bidang kuasa sama di mana barang-barang diperoleh atau mana-mana undang-undang cukai yang tertakluk.
- 5.3 Pemegang Akaun tidak boleh menggunakan atau membenarkan Peti Simpanan digunakan untuk menyimpan sebarang cecair atau apa jua bentuk bahan peledak, berbahaya atau yang melanggar undang-undang, atau apa jua yang mungkin memudaratakan Bank atau Pemegang Akaun Peti Simpanan Keselamatan yang lain, atau untuk sebarang tujuan lain daripada menyimpan barang atau dokumen yang berharga. Pemegang Akaun akan atas permintaan membenarkan Bank akses kepada peti untuk memeriksa keadaan Peti untuk tujuan pembaikan atau pelarasian yang perlu dan memastikan yang syarat-syarat ini dipatuhi. Sekiranya bank mengalami kerosakan, kerugian atau menanggung sebarang liabiliti akibat daripada pelanggaran syarat oleh Pemegang Akaun, Pemegang Akaun hendaklah menanggung kerugian atau liabiliti kerosakan bank sepenuhnya.
- 5.4 Peti Simpanan tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan yang patuh Syariah, dan barang-barang yang diletakkan dalam Peti Simpanan mestilah patuh Syariah. Walaupun bagaimanapun, Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk melibatkan diri dengan tujuan dan kandungan Peti.. Pemegang Akaun mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa tujuan dan kandungan Peti adalah patuh Syariah.
- 5.5 Semua fi, kos, dan perbelanjaan yang termasuk kos abortive, kos guaman (atas dasar peguamcara dan klien sendiri), duti setem ditanggung oleh Bank berkenaan dengan Peti Simpanan hendaklah ditanggung oleh Pemegang Akaun sama ada atau tidak Peti Simpanan digunakan, ditarik balik atau dibatalkan atas apa jua sebab kecuali dinyatakan sebaliknya. Sekiranya Peti Simpanan perlu didapatkan melalui apa-apa proses undang-undang, semua fi dan kos yang berkaitan dengan pemulihan itu termasuk fi dan kos guaman (atas peguam cara dan klien sendiri) Bank hendaklah ditanggung oleh Pemegang Akaun.

## 6 OPERASI DAN AKSES

- 6.1 Pemegang Akaun boleh mengakses Peti Simpanan pada mana-mana hari (kecuali Sabtu, Ahad dan hari cuti) semasa waktu pejabat Bank dengan menandatangani permohonan untuk pengaksesan tersebut tetapi Bank tidak terikat untuk membenarkan pengaksesan tersebut jika tandatangan Pemegang Akaun tidak mendapat pengesahan yang memuaskan Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku akibat daripada keenggan Bank membenarkan pemohon mengakses Peti Simpanan atas alasan Bank tidak berpuashati dengan keaslian tandatangan.
- 6.2 Bank juga boleh tidak membenarkan pengaksesan kepada Peti Simpanan jika sewanya tertunggak dan tidak dibayar (kecuali dan sehingga Bank menerima notis menyatakan tentang penamatkan sewa) atau sebarang jumlah yang perlu dijelaskan dan dihitung kepada Bank daripada Pemegang Akaun di bawah Permohonan ini.
- 6.3 Jika Pemegang Akaun adalah individu, Pemegang Akaun tidak boleh melantik pihak ketiga untuk mempunyai akses kepada Peti Simpanan. Bank boleh menolak pihak ketiga untuk mengendalikan dan mengakses Peti Simpanan.

**7 PENGECUALIAN TERHADAP LIABILITI – LIABILITI**

- 7.1 Bank tidak boleh dianggap sebagai penjamin bagi kandungan Peti Simpanan atau sebahagian daripadanya.
- 7.2 Bank juga tidak dipengaruhi oleh notis bagi mana-mana amanah atau ekuiti yang dikaitkan dengan kandungan tersebut atau sebahagian daripadanya. Tertakluk kepada klausa 5.2 dan 5.3, sifat dan nilai kandungan peti bukan tanggungjawab Bank.
- 7.3 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian ke atas kandungan peti yang disebabkan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk dan tidak terhad kepada sebab-sebab seperti banjir, letusan, gempa bumi, rusuhan, tindakan keganasan, tanah runtuhan dan lain-lain, melainkan jika kerugian itu adalah disebabkan oleh kecuaian atau kelalaian Bank.

**8 INSURANS**

- 8.1 Sekiranya kerugian yang ditanggung Pemegang Akaun akibat dari kemusnahan/kerosakan/ kerugian pada kandungan Peti Simpanan berpunca daripada rompakan, Bank akan, melalui dokumentasi tuntutan yang memuaskan dan bersesuaian akan, bertanggungjawab untuk kerugian tersebut sehingga maksimum RM20,000-00 sahaja.
- 8.2 Pemegang Akaun mengakui bersetuju dan sedar sepenuhnya bahawa Bank dalam apa juga cara tidak bertanggungjawab dan tidak akan mendapatkan mana-mana insurans berhubung dengan kandungan Peti Simpanan terhadap sebarang risiko keselamatan untuk perlindungan insurans yang berjumlah RM20,000-00 bagi setiap Peti Simpanan Keselamatan untuk kerugian/ kerosakan akibat dari rompakan. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan insurans sendiri berhubung dengan kandungan bagi jumlah tambahan dan daripada sesuatu risiko yang Pemegang Akaun mungkin anggap sesuai. Liabiliti Bank berhubung dengan sebarang tuntutan atau apa saja berhubung dengan Peti Simpanan adalah terhad kepada RM20,000-00 bagi setiap Peti Simpanan Keselamatan.

**9 LIEN**

- 9.1 Bank mempunyai lien atau caj ke atas Peti Simpanan untuk sewa dan semua jumlah yang Pemegang Akaun mungkin tanggung kepada Bank di bawah terma dan syarat dan Permohonan ini.
- 9.2 Bank mungkin pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa selepas memberi notis terlebih dahulu niat kepada Pemegang Akaun, menjual semua atau mana-mana kandungan Peti Simpanan dan mengenakan hasil bersih mengikut kepuasan wang yang perlu dibayar kepada Bank bagi sesuatu sewaan atau perbelanjaan sebagai yang disebutkan dahulu dan lebihan hasil jualan (jika ada) akan disimpan oleh Bank bagi arahan Pemegang Akaun tanpa mempunyai sebarang liabiliti bagi bahagian Bank untuk faedah.
- 9.3 Bank diberi kuasa untuk mendebit akaun Pemegang Akaun dengan sewa dan semua caj-caj yang berkaitan dengan Peti Simpanan tersebut berdasarkan Permohonan ini.
- 9.4 Selain lien Bank, hak set-off atau hak lain dan penyelesaian yang mungkin dipunyai oleh Bank, Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan notis 7 hari kepada Pemegang Akaun menggabungkan atau mengkonsolidasikan semua atau salah satu akaun dari Pemegang Akaun akaun termasuk dari Pemegang Akaun yang diadakan sendiri atau bersama-sama dengan orang lain (baik simpanan deposit semasa atau mana-mana jenis sama ada di Malaysia atau tempat lain) dan set-off atau memindahkan jumlah baki kredit dari salah satu atau lebih akaun tersebut atau penyelesaian ke atas kewajipan wang dan liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank di bawah Permohonan dan terma dan syarat dan di mana kombinasi seperti set-off atau pemindahan yang memerlukan penukaran dari satu mata wang ke yang lain, Bank diberi kuasa untuk penukaran seperti kadar pertukaran Bank sendiri (seperti ini ditentukan oleh Bank).

**10 PETUKARAN LOKASI PETI SIMPANAN**

- 10.1 Bank adalah berhak pada setiap masa dengan menghantar notis 30 hari tarikh kalender (atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh Bank) sebelum pelaksanaan petukaran lokasi Peti Simpanan. Petukaran lokasi Peti Simpanan boleh dilaksanakan pada masa berakhirnya notis tersebut dan Bank harus bebas untuk melaksanakan semua atau salah satu kuasa yang diberikan oleh syarat dan terma.

**11 PENAMATAN**

- 11.1 Pemegang Akaun boleh menamatkan Pemegang Akaunan pada bila-bila masa. Bank boleh menamatkan Pemegang Akaunan dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 30 hari kepada Pemegang Akaun tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 11.2 Bank boleh menamatkan Pemegang Akaunan Peti dengan memberi sekurang-kurangnya 30 hari notis kepada Pemegang Akaun:-
  - (a) Jika sewa menjadi tertunggak dan tidak dibayar selama satu bulan selepas tarikh akhir atau jika terdapat sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan atau ketidaklaksanaan mana-mana klaus dan gagal membuat bayaran tertunggak dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis tungakkan daripada Bank,
  - (b) jika Bank percaya atau mengesyaki bahawa Peti digunakan untuk pengubahan wang haram atau aktiviti penipuan atau menyalahi undang-undang lain atau melanggar mana-mana garis panduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain;
  - (c) jika Bank dalam niat yang baik meragui kebenaran atau ketulenan apa-apa arahan;
  - (d) jika Pemegang Akaun bankrap; atau
  - (e) jika terdapat percanggahan antara Pemegang Akaun bersama atau dengan Pemegang Akaun lain ke atas peti.
- 11.3 Dengan penamatan Pemegang Akaunan oleh Bank atau Pemegang Akaun, semua harta yang disimpan di dalam Peti Simpanan akan dikeluarkan dan kunci mestilah dipulangkan kepada Bank. Penerimaan kunci akan diakusahkan oleh Bank dengan memulangkan bayaran depositnya yang sesuai mengikut terma dan syarat Permohonan ini.
- 11.4 Dalam kes Pemegang Akaunan bersama (di mana cara operasi Peti Simpanan menetapkan bahawa salah satu daripada Pemegang Akaun bersama boleh mendapatkan akses kepada Peti Simpanan) masing-masing Pemegang Akaun dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk bertindak atas arahan daripada salah satu daripada Pemegang Akaun bersama untuk menamatkan Permohonan ini dan untuk menutup Peti Simpanan dan arahan tersebut akan menjadi pelepasan lengkap tentang kewajipan Bank kepada Pemegang Akaun.
- 11.5 Jika kunci tidak dipulangkan kepada Bank dalam tempoh enam bulan penamatan Permohonan, Bank berhak pada bila-bila masa untuk memecah buka Peti Simpanan dan jika Bank berpendapat sesuai untuk memecahkan penutup mana-mana paket atau bekas simpanan yang terdapat di dalam Peti Simpanan dan membuka kunci atau memecah buka sebarang kunci bekas simpanan tanpa bertanggungjawab ke atas kerrosakan yang disebabkan olehnya. Bank adalah bebas untuk mengirim kandungan Peti Simpanan melalui pos berdaftar atau cara yang wajar atas risiko Pemegang Akaun kepada Pemegang Akaun di alamat yang dirujukan dalam Klausus 15 atau atas pilihan Bank, ia mungkin mengekal dan menyimpan kandungan tersebut di dalam Peti Simpanan yang sama atau tempat yang selamat yang difikirkan patut di atas risiko tunggal Pemegang Akaun dan Bank berhak untuk mengenakan jumlah yang bersamaan dengan dua kali sewa yang kena bermula dari tarikh penamatan Permohonan sehingga Bank memulangkan kandungan Peti kepada Pemegang Akaun atau sehingga Pemegang Akaun mengeluarkan kandungan Peti.

**12 SEWA DUA KALI GANDA**

- 12.1 Jika kandungan Peti Simpanan tidak dikeluarkan atau kunci tidak dipulangkan kepada Bank pada atau sebelum penamatan Permohonan oleh mana-mana pihak, Pemegang Akaun mestilah bertanggungjawab untuk membayar sewa dua kali ganda kepada Bank dari tarikh penamatan sehingga kandungan Peti Simpanan dikeluarkan dan kunci dipulangkan kepada Bank.

**13 KEMATIAN / KEBANKRAPAN / PENGGULUNGAN / PEMBUBARAN**

- 13.1 Sekiranya 2 atau lebih daripada seorang termasuk dalam istilah "Pemegang Akaun", semua obligasi dan Permohonan dalam terma dan syarat ini adalah dianggap dibuat oleh dan mengikat setiap Pemegang Akaun secara bersama dan berasingan dan Peti Simpanan adalah dianggap akan dibuka atau dikekalkan dalam nama bersama dengan hak selagi ada hayat (survivorship). Permohonan tidak akan ditamatkan oleh kematian atau dalam kapasiti oleh mana-mana Pemegang Akaun tetapi kekal berkuatkuasa untuk Pemegang Akaun (- Pemegang Akaun) yang masih hidup. Sekiranya Bank menerima arahan yang bercanggah daripada Pemegang Akaun bersama, Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat daripada semua Pemegang Akaun atau menamatkan Pemegang Akaunan Peti.
- 13.2 Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi mana-mana satu atau lebih Pemegang Akaun, Bank adalah layak untuk membenarkan orang yang masih hidup akses kepada Peti Simpanan dan mengeluarkan semua kandungan asalkan sebelum pengaksesan tersebut, Pemegang Akaun (- Pemegang Akaun) yang masih hidup mempunyai kunci dan sesuatu pengesahan dan/atau menandatangani sesuatu dokumen yang mungkin diperlukan oleh Bank.

- 13.3 Sekiranya berlaku kematian ke atas Pemegang Akaun dan tiada Pemegang Akaun yang masih hidup, semua hak Pemegang Akaun akan terletak pada wakil (-wakil) guaman peribadi dengan menunjukkan Surat Waris atau Surat Pentadbiran serta Kunci dengan mematuhi apa-apa tatacara yang ditetapkan oleh Bank, boleh mengakses dan mengeluarkan semua kandungannya, dengan itu menamatkan Pemegang Akaunan dengan serta-merta.
- 13.4 Bank, atas budi bicara mutlaknya dan tanpa bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul sebelum menerima Surat Waris atau Surat Pentadbiran, membenarkan atas terma dan syarat sebagaimana yang Bank anggap sesuai dan menurut permintaan sesiapa sahaja yang menyatakan layak untuk mentadbir harta benda Pemegang Akaun untuk membuka Peti Simpanan dan membenarkan pemeriksaan kandungannya dalam kehadiran pengawal Bank tetapi orang tersebut tidak boleh mengeluarkan mana-mana kandungan kecuali dengan mana-mana Surat Wasiat atau menurut Wasiat di mana orang tersebut dilantik oleh pelaksana wasiat di mana Bank dibenarkan menyimpan satu Salinan dokumen tersebut..

**14 NOTIS**

- 14.1 Pemegang Akaun mestilah memberitahu Bank secara bertulis (atau melalui cara-cara lain yang sedemikian dan/atau kaedah-kaedah yang dipersetujui oleh Bank dari semasa ke semasa) bagi apa-apa perubahan kepada maklumat Pemegang Akaun. Bank akan dianggap telah menerima notis bagi perubahan maklumat Pemegang Akaun jika Bank memang telah menerima notis mengenai perubahan tersebut. Sekiranya 2 orang atau lebih termasuk dalam istilah "Pemegang Akaun", semua notis dan lain-lain maklumbalas yang dihantar kepada salah seorang Pemegang Akaun akan dianggap telah dihantar kepada semua Pemegang Akaun dan akan diterimakan oleh setiap seorang dan semua Pemegang Akaun.

**15 VARIASI PERSYARATAN**

- 15.1 Bank boleh melalui notis bertulis 21 hari terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun, mengubah salah satu atau lebih dari terma dan syarat ini.
- 15.2 Jika Pemegang Akaun tidak bersetuju akan perubahan-perubahan tersebut, Pemegang Akaun tidak perlu sambung penyewaan Peti Simpanan dan mengarahkan Bank untuk menamatkan sewaan Peti Simpanan tersebut.
- 15.3 Dalam kejadian di mana Bank memutuskan atas budi bicara mutlak untuk tidak menyambung Pemegang Akaunan Peti Simpanan yang tertakluk oleh terma dan syarat selamanya, Bank akan memberi notis bertulis secara munasabah bagi tidak menyambung Pemegang Akaunan Peti Simpanan kepada Pemegang Akaun.
- 15.4 Bank akan memberitahu Pemegang Akaun atas mana-mana perubahan terhadap terma dan syarat melalui:
  - menerbitkan perubahan-perubahan tersebut dalam penyata akaun yang dihantar kepada Pemegang Akaun;
  - memamerkan perubahan-perubahan tersebut pada cawangan-cawangan Bank atau ATM;
  - memaparkan perubahan-perubahan tersebut pada laman web Bank;
  - mel elektronik atau surat;
  - menerbitkan perubahan-perubahan tersebut dalam mana-mana suratkhabar atau
  - cara-cara komunikasi yang lain yang munasabah .

Dengan syarat bahawa tarikh kuat kuasa perubahan hendaklah tarikh yang dinyatakan dalam iklan untuk notis Bank atau penyata bank.

**16. PENDEDAHAN**

- 16.1 Tertakluk kepada arahan nyata Pemegang Akaun (jika ada) menyekat pendedahan, data peribadi Pelanggan, butiran akaun, hubungan dengan Bank dan terma dan kemudahan tetamu, Pemegang Akaun ("Maklumat") akan didedahkan kepada orang atau badan yang Bank adalah undang-undang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang untuk mendedahkan atau diluluskan secara bertulis oleh Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan atau kini atau selepas ini dibenarkan secara bertulis oleh Pemegang Akaun untuk mendedahkan.
- 16.2 Tanpa mengehadkan Fasal 16.1, Pemegang Akaun dengan nyata mengizinkan pendedahan Maklumat untuk pihak-pihak dan bagi maksud yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

	Pihak yang dengannya maklumat boleh dikemukakan	Tujuan / Hal keadaan bagi Pendedahan Maklumat
1.	Pemproses data dan penyedia perkhidmatan Bank, di dalam dan di luar Malaysia;	Bagi pelaksanaan perkhidmatan bagi Bank
2.	Syarikat Berkaitan dan syarikat-syarikat bersekutu Bank, baik dalam atau di luar Malaysia, penerima serah hak dan pengganti hak milik mereka;	Untuk jualan silang, peningkatan perkhidmatan dan penyelidikan pasaran.
3.	Pihak berkuasa / badan-badan penguatkuasaan undang-undang di dalam dan di luar Malaysia termasuk di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat;	Untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan
4.	Pihak ketiga yang ingin menyelesaikan hutang Pelanggan	Untuk penyelesaian hutang Pelanggan
5.	Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad dan agensi kerajaan lain yang ditubuhkan untuk memperoleh pinjaman dan menjadi penjamin bagi pinjaman, syarikat insurans gadai janji dan syarikat insurans semula;	Bagi jualan atau cadangan jualan pinjaman atau untuk memperoleh jaminan atau insurans gadai janji atau insurans bagi hartanah (jika ada) yang dicagarkan kepada Bank.
6.	Pihak ketiga dengan atau melalui mana-mana transaksi Akaun atau Perkhidmatan diproses atau dijalankan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear) dan, Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) (kini Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)), mana-mana peniaga	Untuk pematuhan prosedur yang berlaku, atau untuk penyelesaian atau perundingan atas setiap tuntutan atau pertikaian atau untuk menangani pertanyaan yang timbul dari atau berkaitan dengan transaksi atau Perkhidmatan Akaun
7.	Peguam, pakar dalam penipuan, teknologi maklumat dan lain-lain profesional / perunding / pakar untuk memberikan perkhidmatan profesional atau pakar kepada Bank berhubung dengan apa-apa perkara yang memerlukan profesional atau pakar pengetahuan atau nasihat;	Untuk nasihat profesional dan khidmat nasihat daripada profesional yang dilantik oleh Bank
8.	Ejen yang diberi kuasa Pelanggan, wasi, pentadbir atau wakil undang-undang; dan	Untuk tujuan menguruskan hal ehwal Pelanggan
9.	Pemegang serah hak atau pemeroleh Bank, potensi penerima serah hak atau pemeroleh dan pengganti dalam hakmilik.	Untuk penyusunan semula termasuk melupuskan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan Bank.

16.3 Pemegang Akaun secara muktamad bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk menjalankan pemeriksaan kredit dan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank dengan mana-mana pihak (termasuk tanpa had dengan mana-mana biro kredit, organisasi atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan kredit atau lain-lain maklumat). Pemegang Akaun memberikan persetujuan yang tidak dapat dibatalkan kepada agensi pelaporan kredit yang berkenaan (seperti yang ditentukan di bawah Akta Pelaporan Kredit, 2010) ("CRA") yang digunakan oleh Bank melakukan pemeriksaan kredit untuk mengungkapkan laporan / maklumat kredit anda untuk tujuan Aplikasi ini dan untuk pengurusan risiko dan kajian semula Bank. Bank dengan ini diberi kuasa tetapi tidak berkewajiban untuk menyampaikan persetujuan Pemegang Akaun dan tujuan pendedahan tersebut kepada CRA yang berkenaan.

16.4 Pemegang Akaun , jika individu:

(a) bersetuju untuk pendedahan Bank data peribadinya (terhad kepada nama dan butir-butir hubungan) kepada organisasi dalam kumpulan OCBC (di dalam Malaysia) yang dalam perkiraan atau pakatan dengan Bank, untuk tujuan pemasaran langsung organisasi ini ' produk dan perkhidmatan. Pemegang Akaun boleh pada bila-bila masa menarik balik persetujuannya untuk pemasaran langsung produk atau perkhidmatan dengan permintaan bertulis kepada Bank dan

(b) mengakui telah membaca Dasar Privasi Bank pada laman web Bank yang memberitahu bahawa (i) Bank akan mengumpulkan maklumat peribadi secara langsung daripadanya atau daripada sumber-sumber pihak ketiga; (ii) sebab data peribadi dikumpul; (iii) hak untuk mengakses data peribadi dan membetulkannya; (iv) kelas pihak ketiga yang mana Bank boleh mendedahkan data peribadinya; (v) pilihan dan cara untuk mengehadkan pemprosesan data peribadinya ; (vi) sama ada data peribadi yang diminta adalah wajib atau sukarela, dan jika wajib , kesan-kesan untuk tidak memberikan data itu; (vii) bahawa dia boleh mengemaskini data peribadinya sebaik sahaja terdapat perubahan dan (viii) butir-butir hubungan Bank jika dia ingin membuat pertanyaan atau memberi maklum balas.



OCBC Al-Amin Bank Berhad (200801017151/818444-T)

**17. UNDANG-UNDANG**

17.1 Permohonan ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia.

**18. CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN**

18.1 Anda dikehendaki menanggung segala cukai barang dan perkhidmatan, cukai penggunaan, cukai nilai tambahan atau mana-mana jenis cukai yang dikenakan oleh undang-undang, kini atau pada masa akan datang. Sekiranya Bank telah membayai apa-apa cukai tersebut bagi pihak anda, anda hendaklah membayar semula jumlah tersebut (kecuali yang dilarang di sisi undang-undang) kepada Bank.